



# RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR 2009 - 2020

*draf*

## Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar 2020 (RTMPK)

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar (RTMPK) disediakan selaras dengan peruntukan subseksyen 12 (1) Akta 172, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, merupakan perancangan pembangunan di hierarki peringkat ketiga dalam sistem perancangan guna tanah dan fizikal negara iaitu selepas RFN dan RSN Perlis.

### Definisi:

RTMPK adalah merupakan dokumen perancangan yang mengandungi Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis yang memperincikan cadangan-cadangan pemajuan tanah di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar (MPK) sehingga tahun 2020.

RTMPK juga menterjemahkan dasar-dasar kerajaan peringkat nasional, negeri dan peringkat kerajaan tempatan.

### Elemen-Elemen Pembangunan

- 1 Perancangan guna tanah, kecekapan perkhidmatan sosial, taraf sivik penduduk, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti dan setaraf dengan status bandaraya.
- 2 Perancangan modal insan dalam aspek pendidikan, program-program keilmuan, keagamaan, warisan dan budaya madani bagi menyokong kepada pembentukan negeri berilmu.
- 3 Pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar serta pengekalan aktiviti pertanian sebagai taman landskap semulajadi Negeri Perlis.

### Wawasan Pembangunan Negeri Perlis

Draf Rancangan Struktur Negeri Perlis (RSN Perlis) menggariskan visi bagi pembangunan Negeri Perlis menjelang tahun 2030 ialah;

**"PERLIS NEGERI BANDARAYA"**

### Teras Pembangunan RTMPK

- 1 Asas Ekonomi Dinamik Dan Berdaya Maju
- 2 Pembangunan Fizikal Mampan Dalam Persekitaran Sejahtera
- 3 Kemudahan Perbandaran Yang Efisien Dan Berkualiti
- 4 Pembangunan Komuniti Sejahtera
- 5 Urustadbir Cekap Dan Mesra Rakyat

### Matlamat Pembangunan Kawasan MPK

**"MEMBANGUNKAN KAWASAN  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR SEBAGAI  
NEGERI BANDARAYA"**



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (JPBD) merupakan salah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. JPBD berfungsi memberi nasihat secara menyeluruh ke atas Dasar-dasar Perancangan Negara dan Negeri kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara tanggungjawab JPBD adalah menyediakan Rancangan Pembangunan merangkumi Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Untuk maklumat lanjut, layari web: [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my).





# 1 Asas Ekonomi Dinamik Dan Berdaya Maju

### a. Pengantarabangsaan Asas Ekonomi Strategik

- i. Zon Ekonomi Khas Padang Besar
- ii. Zon Ekonomi Khas Kuala Perlis
- iii. Pembangunan Wang Kelian
- iv. Koridor Mini Multi Media Perlis  
( Mini MSC Perlis)

### **b. Perbandaran Kangar Sebagai Hub Perniagaan Antarabangsa**

Padang Besar dan Kuala Perlis akan diintegrasikan sebagai antara pusat pertumbuhan di dalam Koridor Ekonomi IMT-GT antara Songkla- Pulau Pinang- Medan.

**c. Kuala Perlis Sebagai Hub Pembangunan Industri Berasaskan Perikanan.**


Memajukan kawasan industri di Kuala Perlis bagi menampung industri produk perikanan dan juga membaik pulih bot nelayan.

d. Pembangunan kawasan Pertanian, Penternakan, Perikanan dan Perhutanan Sebagai Penyumbang Pertumbuhan Ekonomi, antara yang dicadangkan bagi merilisasikan strategi di atas adalah seperti berikut;

- Proyek Sawah Gemilang,
- Proyek Integrasi Ternakan Ruminan (PINTAR),
- Proyek Bumi Hijau,
- Proyek Tanaman Mangga Harum Manis,
- Proyek Tanaman Sayur-Sayuran / Buah-Buahan / Tanaman Herba dan Tanaman Singkat Masa Secara Komersil,
- Proyek Pembangunan Pasar Tani Borang,
- Proyek Penternakan Ayam Pedaging,
- Proyek Ternakan Ikan Tilapia Dalam Sangkar (Integrasi Kawasan Padi), dan
- Proyek Ternakan Ikan dalam Kolam (Integrasi Kawasan Padi),
- Proyek Ternakan Itik Penelur di Kawasan Padi MADA dan Luar MADA, dan
- Mewartakan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Tambahan.

**e. Perbandaran Kangar Sebagai Destinasi Pelancongan.**

Pelbagai produk dan destinasi pelancongan telah dikenal pasti akan dibangunkan, ditambah nilai, diperkasa dan dijenamakan mengikut kekuatan serta keunikan karektor untuk mengangkat Kangar sebagai sebuah destinasi pelancongan.



## 2 Pembangunan Fizikal Mampan Dalam Persekitaran Sejahtera

#### a. Pengukuhan Peranan Dan Fungsi Pusat Petempatan

Pembangunan dan peranan Bandar Kangar sebagai Pusat Separa Wilayah akan terus diperkukuhkan fungsinya sebagai Ibu Negeri, Pusat Pentadbiran Negeri dan Pusat Perdagangan Utama.

**b. Peningkatan Imej Pusat Petempatan Dalam Persekitaran Bandaraya Dalam Taman**

RTMPK mencadangkan setiap bandar yang ada di negeri Perlis akan mempunyai identiti dan imej tersendiri berdasarkan tema- tema yang telah ditetapkan.

**c. Melindungi dan Memelihara Alam Semulajadi bagi Mengekalkan Keseimbangan Ekologi**

Alam sekitar yang baik merupakan indikator kepada persekitaran hidup yang sihat dan selamat serta dapat mengekalkan keseimbangan ekologi di Negeri Perlis. Oleh itu, konsep pemeliharaan, pemuliharaan, mengoptimumkan penggunaan sumber dan pembangunan mampan akan ditekankan bagi membentuk satu persekitaran yang kondusif dan selamat.

## 4 Pembangunan Komuniti Sejahtera

Pembangunan komuniti sejahtera memfokuskan kepada pembangunan sosial yang juga menjadi strategi yang penting dalam RTMPK. Pembangunan ini mengambilkira pertambahan penduduk mengikut potensi zon pembangunan. Selain memastikan setiap isirumah memiliki rumah yang berkualiti dan mampu milik, isirumah sama ada di bandar mahupun di petempatan desa perlu mempunyai akses kemudahan-kemudahan yang disediakan pada setiap hierarki.

## Konsep Dan Strategi Pembangunan RTMPK

Bagi merealisasikan wawasan 'Perlis Negeri Bandaraya', kelima-lima teras pembangunan dijadikan panduan dalam pembentukan konsep dan strategi pembangunan RTMPK. Dalam konteks perancangan spatial, tiga aspek pembangunan berikut diberikan fokus utama :

1. Tumpuan terhadap pembangunan pusat-pusat perkhidmatan utama yang akan memacu atau penggerak asas ekonomi yang dinamik ke peringkat antarabangsa.
2. Pembangunan di sepanjang koridor Kuala Perlis – Simpang Empat, Kangar, Ulu Pauh dan Besei mampu mewujudkan suasana pembangunan berseimbang dengan kemudahan perbandaran efisien dan berkualiti.
3. Pembentukan zon-zon pembangunan pertanian moden, pelancongan ekowisata dan agro dalam alam persekitaran mampan yang mampu membentuk masyarakat atau komuniti sejahtera serta zon ekonomi khas.

### 3 Kemudahan Perbandaran Yang Efisien Dan Berkualiti

a. Sistem Perhubungan dan Pengurusan Lalu lintas Yang Lebih Efisien, Efektif, Selamat dan Berdaya Tahan.

Menambahbaik kemudahansmpaian penduduk tempatan dan pengunjung kepada kemudahan-kemudahan perbandaran dan produk pelancongan.

Memperbaiki pengurusan lalu lintas termasuk menambah kemudahan meletak kereta dan kemudahan pejalan kaki serta sistem penyampaian maklumat di bandar-bandar utama.

**b. Peningkatan Keupayaan Hidraulik Sistem Saliran Dan Perparitan**

Objektif utama terkandung di dalam komponen ini adalah untuk mengurangkan kawasan yang terdedah kepada banjir dengan meningkatkan keupayaan hidraulik sistem saliran dan perparitan sediaada.

**c. Peningkatan Komponen-Komponen Infrastruktur Dan Utiliti Bagi Pembangunan Komuniti Sejahtera .**

Di dalam pembangunan komuniti sejahtera, komponen utama adalah berkaitan dengan elemen-elemen untuk memperkukuhkan pembekalan penawaran kemudahan semasa di samping pembentukan cadangan-cadangan baru.



**5 Urustadbir Cekap  
Dan Mesra Rakyat**

Memperkuat Keupayaan Urus Tadbir,  
Sistem Penyampaian, Perancangan dan  
Penyelarasan.

Membangun EIS Yang Interaktif dan Mesra Pengguna.



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (JPBD)** merupakan salah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. JPBD berfungsi memberi nasihat secara menyeluruh ke atas Dasar-dasar Perancangan Negara dan Negeri kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara tanggungjawab JPBD adalah menyediakan Rancangan Pembangunan merangkumi Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Untuk maklumat lanjut, layari web: [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my).